

Ruj.Kami : JANM.PRK.600-1/1/129 (18)  
Tarikh : 21 Februari 2025

Semua Ketua Jabatan Persekutuan / Ketua Pusat Tanggungjawab

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan,

**PEMBAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN (BKK) TAHUN 2025 TANPA PERUNTUKAN MELALUI ARAHAN PEMBAYARAN DI DALAM SISTEM iGFMAS**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Merujuk kepada arahan daripada Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan (BPOPP) melalui ruj. email BPOPP/SPO (Emel)/2025 (76) bertarikh 19 Februari 2025 mengenai **sekatan overbajet OS17000 di sistem iGFMAS dibuka bagi tempoh 20 Februari hingga 05 Mac 2025**. Pembukaan sekatan ini membenarkan Pusat Tanggungjawab (PTJ) menyediakan Arahan Pembayaran kepada pegawai yang layak menerima BKK Tahun 2025 tetapi tidak diproses melalui Sistem Emolumen Berkomputer Modul *Human Capital Management* (HCM).
3. Sebagai peringatan, PTJ hendaklah memastikan BKK Tahun 2025 disemak dengan teliti agar tiada keciciran bagi pegawai yang layak dan juga memastikan bayaran tersebut disempurnakan dalam tempoh yang ditetapkan. Sila pastikan penggunaan kod akaun adalah betul dan tepat bagi pembayaran BKK Tahun 2025 dengan merujuk Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bil. 1 Tahun 2025 – Peraturan Bayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2025.
4. PTJ dibenarkan untuk mengunci masuk Arahan Pembayaran melalui Modul Invois Tanpa PT (K2) mulai 24 Februari 2025. Sila catatkan nombor rujukan buletin ini dan tarikh Penyata Perubahan Mengenai Pendapatan Seseorang Pegawai (Kew. 8) di ruangan Perihal Bayaran. Kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**UNIT GAJI  
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
NEGERI PERAK**